

CIRAM TABLET 20MG

Citalopram 20mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ciram Tablet 20mg
2. Bagaimana Ciram Tablet 20mg berfungsi
3. Sebelum mengambil Ciram Tablet 20mg
4. Cara menggunakan Ciram Tablet 20mg
5. Semasa menggunakan Ciram Tablet 20mg
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ciram Tablet 20mg
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran Produk
11. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Ciram Tablet 20mg

Ciram mengandungi citalopram dan digunakan untuk rawatan kemurungan dan apabila anda merasa lebih baik, ia membantu mencegah gejala-gejala ini daripada berulang. Ciram juga digunakan untuk rawatan jangka panjang untuk mengelakkan berlakunya episod baru kemurungan jika anda mempunyai kemurungan yang berulang.

Ciram juga bermanfaat bagi merawat simptom jika anda cenderung untuk mengalami serangan panik.

Ciram juga digunakan untuk merawat gangguan obsesif-kompulsif. Gangguan obsesif-kompulsif adalah keadaan kesihatan mental di mana seseorang mempunyai pemikiran keterlaluan dan tingkah laku kompulsif. Obsesi adalah suatu yang tidak diingini, pemikiran yang tidak menyenangkan, imej atau dorongan yang berulang kali memasuki minda seseorang, menyebabkan mereka rasa bimbang.

Bagaimana Ciram Tablet 20mg berfungsi

Ciram adalah sejenis *Selective Serotonin Reuptake Inhibitor (SSRI)* dan tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai antidepresan. Ubat-

ubatan ini membantu untuk membetulkan ketidakseimbangan bahan kimia tertentu di dalam otak yang menyebabkan gejala-gejala penyakit anda.

Sebelum mengambil Ciram Tablet 20mg

Bila tidak boleh mengambil

-jika anda alah (hipersensitif) kepada citalopram atau mana-mana bahan-bahan lain Ciram. Bincang dengan doktor anda jika anda fikir yang anda mungkin alah.
-mengambil ubat yang dikenali sebagai *monoamine oxidase inhibitor (MAOIs)* pada masa yang sama. *MAOIs* termasuk ubat *moclobemide* (yang digunakan untuk rawatan kemurungan) dan *selegiline* (digunakan dalam rawatan penyakit *Parkinson*). Sehari mesti berlalu selepas anda selesai mengambil *moclobemide*. Selepas berhenti Ciram anda perlu membenarkan 14 hari sebelum mengambil ubat *MAOIs*.

Sebelum mula mengambil

Sila beritahu doktor anda jika anda mempunyai sebarang masalah perubatan, terutamanya jika anda mempunyai

- Penyakit hati.
- Penyakit buah pinggang.
- Diabetes (anda mungkin memerlukan pelarasan terapi antidiabetik anda).
- Epilepsi atau anda pernah mengalami sawan.
- gangguan pendarahan atau pernah mengalami pendarahan di dalam perut atau usus.
- Mania atau gangguan panik
- tahap natrium yang rendah dalam darah
- ECT (terapi elektrokonvulsif)

Sila rujuk doktor anda, walaupun perkara tersebut pernah berlaku kepada anda pada masa yang lalu. Sesetengah pesakit dengan penyakit manik-kemurungan boleh memasuki ke fasa manik. Ini dicirikan oleh idea-idea yang luar biasa dan cepat berubah, kegembiraan yang tidak wajar dan aktiviti fizikal yang berlebihan. Jika anda mengalami

gejala-gejala ini, hubungi doktor anda.

Gejala seperti keresahan atau kesukaran untuk duduk atau berdiri masih juga boleh berlaku semasa minggu pertama rawatan. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami gejala-gejala ini.

Maklumat khas yang berhubungan dengan penyakit anda

Seperti dengan ubat-ubatan lain yang digunakan untuk merawat kemurungan atau penyakit yang berkaitan, keberkesanannya ubat ini tidak dicapai dengan serta-merta. Selepas permulaan rawatan Ciram, ia mungkin mengambil masa beberapa minggu sebelum anda mengalami keberkesanannya. Pada mulanya pesakit rawatan tertentu mungkin akan mengalami kebimbangan yang meningkat, yang akan hilang dengan rawatan berterusan. Oleh itu, adalah amat penting bahawa anda betul-betul mengikuti arahan doktor dan jangan berhenti rawatan atau menukar dos tanpa berunding dengan doktor anda.

Pemikiran membunuh diri dan kemurungan atau keresahan yang bertambah buruk.

Jika anda tertekan dan / atau mempunyai gangguan keresahan, anda kadang-kadang boleh mempunyai pemikiran mencederakan atau membunuh diri sendiri. Keadaan ini mungkin bertambah apabila pertama kali mengambil antidepresan kerana ubat-ubatan ini mengambil masa untuk berkesan, biasanya kira-kira dua minggu tetapi kadang-kadang lebih lama.

Anda mungkin lebih cenderung untuk berfikir seperti ini:

- Jika anda pernah mempunyai pemikiran membunuh atau mencederakan diri sendiri.
- Jika anda seorang dewasa muda.

Jika anda mempunyai fikiran mencederakan atau membunuh diri anda pada bila-bila masa, hubungi doktor anda atau pergi terus ke hospital.

CIRAM TABLET 20MG

Citalopram 20mg

Anda mungkin mendapati ia berguna untuk memberitahu saudara atau kawan karib bahawa anda tertekan atau mempunyai gangguan keimbangan, dan meminta mereka untuk membaca risalah ini. Anda mungkin akan meminta mereka untuk memberitahu anda jika mereka berfikir kemurungan atau keresahan anda semakin teruk, atau jika mereka bimbang tentang perubahan tingkah laku anda.

Penggunaan di kalangan kanak-kanak dan remaja di bawah umur 18 tahun

Ciram biasanya tidak boleh digunakan untuk kanak-kanak dan remaja di bawah 18 tahun.

Mengandung

Tanya doktor atau ahli farmasi untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil sebarang ubat. Jika anda hamil, fikir anda mungkin hamil, atau cuba untuk hamil, beritahu doktor anda. Jangan mengambil Ciram jika anda hamil melainkan jika anda dan doktor anda telah membincangkan risiko dan manfaat yang terlibat.

Pastikan bidan dan / atau doktor anda tahu yang anda sedang mengambil Ciram. Apabila diambil semasa hamil, terutamanya dalam 3 bulan terakhir kehamilan, ubat-ubatan seperti Ciram boleh meningkatkan risiko keadaan yang serius di kalangan bayi.

Selain itu, jika anda mengambil Ciram semasa 3 bulan terakhir kehamilan dan sehingga tarikh lahir anda harus sedar bahawa kesan berikut boleh dilihat pada bayi yang baru lahir anda: sawan, terlalu panas atau sejuk, kesukaran makan, muntah, darah gula rendah, otot kejang atau kurang ketegangan pada otot, refleks terlalu aktif, gegaran, gementar, cepat marah, menangis yang berterusan, atau kesukaran tidur.

Jika bayi anda mendapat mana-mana gejala-gejala ini, sila hubungi bidan dan / atau doktor anda dengan segera.

Menyusu

Tanya doktor atau ahli farmasi untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil sebarang ubat.

Jika anda sedang menyusukan bayi, minta doktor anda untuk nasihat. Anda tidak patut menyusukan bayi anda apabila mengambil Ciram kerana sejumlah kecil boleh masuk ke dalam susu ibu.

Memandu dan menggunakan mesin

Ciram biasanya tidak memberi kesan kepada keupayaan untuk menjalankan aktiviti harian yang biasa. Walau bagaimanapun, jika anda berasa pening atau mengantuk apabila anda mula mengambil ubat ini, anda perlu berhati-hati ketika memandu, mengendalikan jentera atau melaksanakan kerja yang memerlukan anda berwaspada sehingga kesan tersebut hilang

Jika mengambil ubat-ubat lain

-Sesetengah ubat boleh menjaskannya tindakan ubat-ubatan lain dan ini kadang-kadang boleh menyebabkan kesan advers yang serius. Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil atau telah mengambil ubat-ubatan lain (termasuk yang dibeli tanpa preskripsi) dalam tempoh 14 hari yang lalu. Ini termasuk ubat-ubatan lain untuk kemurungan

- *remedi herba St John Wort (Hypericum perforatum)*. Ini tidak harus diambil pada masa yang sama dengan Ciram.
- *Monoamine oxidase inhibitor (MAOIs)*. Ini tidak boleh diambil pada masa yang sama dengan Ciram.

Beritahu doktor anda jika anda mengambil mana-mana ubat-ubatan yang berikut:

- *Sumatriptan* (digunakan untuk merawat migrain) atau tramadol (ubat tahan sakit). Jika anda merasa kurang sihat apabila menggunakan ubat-ubatan ini dengan Ciram, anda perlu berjumpa dengan doktor anda.

-*Lithium* (yang digunakan untuk mencegah dan merawat mania).

-*Imipramine* (digunakan untuk merawat kemurungan).

-Ubat-ubatan yang mengandungi selegiline (yang digunakan untuk merawat penyakit Parkinson)

-*Cimetidine* (digunakan untuk merawat ulser perut).

-Ubat-ubatan yang diketahui menjaskannya platelet darah (contohnya ubat antikoagulan yang digunakan untuk merawat atau mencegah darah beku; aspirin dan ubat anti-radang yang bukan steroid (*NSAIDs*) seperti *ibuprofen* dan *diclofenac* yang digunakan sebagai ubat penahan sakit dan beberapa ubat *antipsychotic* dan *tricyclic antidepressants*).

-*Metoprolol*, *beta blocker* yang digunakan untuk merawat migrain, beberapa jenis penyakit jantung dan tekanan darah tinggi. Kesan sampingan ubat kemungkinan boleh meningkat, menurun atau diubah.

Cara menggunakan Ciram Tablet 20mg

Berapa banyak harus diambil

Ciram boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

Ia adalah penting untuk mengambil tablet anda seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Label ubat akan memberitahu anda berapa banyak untuk ambil dan berapa kerap untuk diambil. Jika tidak, atau anda tidak pasti, tanyakan kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Dewasa

Kemurungan

Dos yang biasa ialah 20 mg setiap hari. Ini mungkin dinaikkan oleh doktor anda sehingga maksimum 60 mg setiap hari.

Gangguan panik

Dos permulaan ialah 10 mg setiap hari untuk minggu pertama sebelum meningkatkan dos ke 20mg sehari. Dos boleh dinaikkan oleh doktor anda sehingga maksimum 60 mg setiap hari.

CIRAM TABLET 20MG

Citalopram 20mg

Gangguan obsesif-kompulsif

Dos yang biasa ialah 20 mg setiap hari. Ini boleh ditambah oleh doktor anda sehingga maksimum 60 mg setiap hari.

Pesakit warga tua (melebihi 65 tahun)

Dos yang biasa ialah 20 mg setiap hari. Ini mungkin dinaikkan oleh doktor anda sehingga maksimum 40 mg setiap hari.

Kanak-kanak dan remaja (<18 tahun)

Ciram tidak sepatutnya diberikan kepada kanak-kanak atau remaja.

Pesakit dengan risiko khas

Pesakit dengan masalah hati tidak harus menerima lebih daripada 30 mg setiap hari.

Bila perlu diambil

Ciram diambil setiap hari sebagai dos harian tunggal. Ciram boleh diambil pada bila-bila masa dengan atau tanpa makanan. Telan tablet dengan air.

Berapa lama perlu diambil

Seperti ubat-ubatan lain untuk kemurungan dan gangguan panik tablet ini boleh mengambil beberapa minggu sebelum anda merasa apa-apa kesan. Terus mengambil Ciram walaupun ia mengambil masa yang agak lama sebelum anda merasa apa-apa kesan dalam keadaan anda.

Tempoh rawatan adalah mengikut individu, biasanya sekurang-kurangnya 6 bulan. Terus mengambil tablet selagi doktor anda mencadangkan. Jangan berhenti mengambil ubat walaupun anda mula berasa lebih sihat, melainkan jika anda diberitahu untuk berbuat demikian oleh doktor anda. Penyakit tersirat mungkin berterusan untuk jangka masa yang panjang dan jika anda menghentikan rawatan anda terlalu awal gejala-gejala anda mungkin akan kembali.

Pesakit yang mempunyai kemurungan berulang-ulang boleh mendapat manfaat dari rawatan berterusan, untuk

mengelakkan berlakunya episod kemurungan yang baru.

Jangan sekali-kali menukar dos ubat tanpa berbincang dengan doktor anda terlebih dahulu.

Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa untuk mengambil satu dos, ambil dos seterusnya pada masa yang biasa. Jangan mengambil dos berganda.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda berfikir bahawa anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak tablet Ciram, hubungi doktor atau jabatan kecemasan hospital yang terdekat dengan serta-merta walaupun tidak terdapat tandanya ketidakselesaan atau keracunan. Ambil kotak / pek Ciram dengan anda jika anda pergi ke doktor atau hospital. Sebahagian daripada tanda-tanda dos berlebihan boleh mengancam nyawa.

Gejala dos berlebihan termasuk:

- Perubahan dalam rentak jantung
- Rasa sakit (loya)
- Muntah
- Mengantuk
- Pengsan
- Denyutan jantung yang pantas
- Gegaran
- Pening

Semasa menggunakan Ciram Tablet 20mg

Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa mengambil Ciram seperti mana yang doktor anda memberitahu anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Seperti semua antidepressan, ia adalah wajar untuk mengelakkan minum arak di samping menerima rawatan walaupun Ciram tidak ditunjukkan untuk meningkatkan kesan alkohol.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Produk ini mengandungi laktosa. Jika anda telah diberitahu oleh doktor anda bahawa anda tidak bertoleransi terhadap beberapa gula, hubungi doktor anda sebelum mengambil produk ini. Menghentikan ubat ini dengan cepat boleh menyebabkan gejalagejala seperti pening dan kebas atau kesemutan di tangan atau kaki, gangguan tidur (tidak dapat tidur), rasa cemas, sakit kepala, rasa tidak sihat atau sakit, resah atau gelisah, dan perasaan keliru atau *disorientated*, rasa beremos atau marah. Ini biasanya tidak serius dan hilang dalam masa beberapa hari. Apabila anda telah selesai kursus rawatan, dos Ciram biasanya dikurangkan secara beransur-ansur selama beberapa minggu.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai penggunaan produk ini, bertanya kepada doktor atau ahli farmasi.

Kesan-sesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Ciram boleh mempunyai kesan sampingan dan sesetengah orang mungkin mengalami kesan yang tidak diingini (kesan sampingan) semasa mengambil Ciram. Beberapa kesan yang disenaraikan di bawah juga boleh menjadi gejala penyakit anda dan mungkin hilang apabila anda bertambah sihat.

Kesan-sesan sampingan yang berikut biasanya ringan dan hilang beberapa hari selepas rawatan.

- Penyerapan makanan lemah atau ketidakseimbangan nutrisi
- natrium darah rendah (terutamanya di kalangan wanita tua)
- gangguan endokrin; berkaitan dengan hormon dan kelenjar yang membuat dan merembeskan hormon ke dalam aliran darah
- ketidakupayaan untuk mencairkan air kencing dan ketidakseimbangan cecair dan elektrolit dalam badan (terutamanya di kalangan wanita tua)

CIRAM TABLET 20MG

Citalopram 20mg

- gangguan sistem imunisasi
- masalah saraf
- Sawan dan tindak balas hipersensitiviti
- Rasa sakit
- pening, loya dan sensasi '*pins and needles*'
- Masalah kulit
- Mudah lebam
- Sawan
- Pergerakan di luar kawalan
- perubahan warna kulit akibat pendarahan

Apa-apa kesan sampingan yang boleh berlaku biasanya akan hilang selepas beberapa hari. Jika kesan sampingan menyusahkan atau berterusan, atau jika anda mengalami apa-apa kesan sampingan luar biasa yang lain ketika mengambil Ciram, sila beritahu doktor anda.

Jika anda mendapati sebarang kesan sampingan lain yang tidak disebutkan di dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers →Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Ciram Tablet 20mg

Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.

Pelupusan

Jangan makan ubat itu apabila telah lepas tarikh luputnya. Pulangkan tablet yang belum digunakan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan. Hanya simpan tablet jika doktor anda menasihatkannya. Jangan buang ubat tersebut di dalam air atau bersama-sama dengan sampah-sarap rumah. Tindakan ini boleh membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Tablet Ciram berwarna putih-keputihan dan berbentuk bujur, dwicembung dan bersalut filem dengan tanda '20' pada satu permukaan dan tanda 'BL' pada permukaan lain.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Setiap tablet mengandungi:
Citalopram 20mg

Bahan-bahan tidak aktif

Lactose monohydrate, maize starch, microcrystalline cellulose, croscarmellose sodium, magnesium stearate, Hypromellose, Titanium dioxide, purified talc, macrogol 400.

Nombor MAL

MAL11120004AC

Pengilang

IPCA Laboratories Ltd

Plot No 255/1, Athal, Silvassa Dadra and Nagar Haveli, 396230 India.

Pemegang Pendaftaran Produk

Actavis Sdn Bhd

Unit 304, Level 3, Uptown 2, 2 Jalan SS21/37, Damansara Uptown, 47400 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

09-07-2014